

Sumbangan Kepada SK Pasir Putih Tawau

Pengurus Komunikasi Korporat SSB, selaku wakil syarikat, Encik Sahrudin Paidi menyampaikan 22 tong cat serta keperluan mengecat kepada Puan Warnidah selaku Penolong Kanan SK Pasir Putih Tawau.

Sumbangan ini bertujuan bagi membantu pihak sekolah untuk menaiktaraf keceriaan landskap sekolah yang mana SK Pasir Putih telah terpilih sebagai wakil tunggal Sekolah Rendah Daerah Tawau bagi kategori Wira Serasi peringkat negeri Sabah 2019-2021. Aktiviti tanggungjawab sosial korporat syarikat (CSR) ini diharap dapat membantu menambahkan keperluan mereka di SK Pasir Putih, Tawau.

